

Media Title

: Harian Metro

Headline

: Lima lelaki, seorang wanita disyaki jadi 'keldai akaun' ditahan

Date

: 26 July 2024

Section

: Lokal

Page

: 7



Lima lelaki, seorang wanita disyaki jadi 'keldai akaun' ditahan

Balik Pulau: Polis menahan lima lelaki dan seorang wanita disyaki menjadi 'keldai akaun' kepada beberapa sindiket penipuan melibatkan kerugian lebih RM96,000.

Ketua Polis Daerah Barat Daya Superintendant Kamarul Rizal Jenal berkata, semua mereka berusia 20 hingga 47 tahun itu ditahan secara berasingan di sekitar negeri ini pada Selasa berhubung enam kes penipuan.

Beliau berkata, wanita berusia 36 tahun yang di-

tahan itu dipercayai menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan tawaran kerja tidak wujud secara dalam talian dan mengakibatkan kerugian paling banyak iaitu lebih RM76,000.

Beliau berkata lima lagi lelaki yang ditahan dipercayai menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan antaranya pinjaman wang tidak wujud, penipuan melalui panggilan telefon dan jual beli kenderaan tidak wujud, melibatkan kerugian kepada mangsa antara RM1,540 hingga RM10,000.